



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

LANJUTAN TEMPOH PENGEMUKAAN PERMOHONAN PERUBAHAN PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040 (PTKL2040)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ingin memaklumkan bahawa tempoh pengemukaan permohonan Perubahan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) dilanjutkan sehingga 7 Ogos 2026 (Jumaat), jam 5.00 petang.

DBKL sebelum ini telah memaklumkan bahawa permohonan Perubahan PTKL2040 dibuka mulai 15 Jun 2026 hingga 10 Julai 2026 bagi memberi ruang kepada pemilik tanah berdaftar, pemaju serta mana-mana pihak yang berkepentingan mengemukakan Surat Niat (*Letter of Intent*) bagi cadangan perubahan terhadap penetapan PTKL2040 selaras dengan peruntukan Seksyen 17, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).

Lanjutan tempoh ini bertujuan membuka peluang yang lebih luas kepada pihak berkepentingan untuk menyediakan dan mengemukakan Surat Niat (*Letter of Intent*) berserta dokumen sokongan yang lengkap mengikut keperluan yang telah ditetapkan.

Surat Niat hendaklah mengandungi justifikasi cadangan perubahan, plan lokasi atau plan tapak yang jelas serta dokumen hak milik tanah terkini bagi tapak yang dicadangkan. Permohonan boleh dikemukakan secara fizikal kepada Pengarah Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB), Tingkat 9, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur atau melalui e-mel di

permohonanperubahan2040@gmail.com selewat-lewatnya pada 7 Ogos 2026 (Jumaat), jam 5.00 petang.

Bagi permohonan yang memerlukan penyediaan Laporan Cadangan Perubahan Pelan Tempatan (LCPPT), pemohon akan dimaklumkan mengenai keperluan melantik Perancang Bandar Berdaftar berdasarkan skop permohonan yang dikemukakan.

Bagi membantu pemohon menyediakan dokumen yang diperlukan, Senarai Semak Permohonan dan Manual Laporan Cadangan Perubahan Pelan Tempatan (LCPPT) Kuala Lumpur boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pelan Pembangunan Kuala Lumpur di <https://ppkl.dbkl.gov.my/muat-turun/>.

DBKL menggalakkan semua pihak yang berkepentingan untuk memanfaatkan lanjutan tempoh ini bagi memastikan setiap permohonan dikemukakan dengan lengkap dan teratur selaras dengan keperluan yang ditetapkan.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
6 Julai 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my

